

Pembiayaan Perniagaan		
No	Butiran	Fi dan caj
1	Fi pemprosesan untuk permohonan pembiayaan baru	Fi mungkin dikenakan berdasarkan kes demi kes. (Tidak boleh dikenakan ke atas syarikat yang diklasifikasikan sebagai PKS mengikut definisi Bank Negara Malaysia).
2	Caj pembayaran lewat	<p>Sekiranya berlaku kemungkiran bayaran sepanjang tempoh pembiayaan dan sehingga tarikh matang kemudahan, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi 1% setahun atau pada kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atas amaun tertunggak yang terakru dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan pembiayaan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang pembiayaan, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi 1% setahun atau pada kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atas baki belum jelas (jumlah pokok belum jelas dan keuntungan yang terakru) dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran bayaran selepas tarikh matang pembiayaan, pihak Bank akan mengutip caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kos sebenar Bank yang tidak melebihi kadar harian Pasaran Wang Antara Bank (IIMM) semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki belum jelas (jumlah pokok belum jelas dan keuntungan yang terakru) dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.</p> <p>Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan pembiayaan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman, pelanggan harus membayar caj pembayaran lewat sebagai ganti rugi (ta'widh) pada kadar harian Pasaran Wang Antara Bank (IIMM) semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki belum jelas (yang tidak termasuk caj bayaran lewat yang belum dibayar dan kos lain sebelum penghakiman) dari tarikh penghakiman sehingga hutang penghakiman diselesaikan sepenuhnya.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, amaun ganti rugi di atas tidak boleh dikompaun.</p>